

# UMNO masih relevan bagi orang Melayu

UM 6 APR 2002

LANGKAWI 5 April — UMNO masih relevan di kalangan orang Melayu apabila ia terus mendapat sokongan daripada generasi muda yang begitu ramai menyertai Pemuda dan Puteri UMNO kerana percaya kepada perjuangan parti itu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dakwaan pihak tertentu khususnya pembangkang bahawa UMNO tidak lagi relevan di kalangan orang Melayu adalah tidak benar.

“Pada tahun 1999 kita adakan pilihan raya, Prestasi UMNO kurang baik terutamanya di Kedah yang mana kita dapati banyak juga kawasan yang berjaya direbut parti lawan, ramai yang bercakap UMNO tidak relevan, UMNO tidak penting lagi dalam masyarakat Melayu.

“Tetapi hari ini kita lihat siapa yang relevan di Ketari, Indera Kayangan dan Likas,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian mesyuarat UMNO bahagian Langkawi di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau berasa gembira melihat begitu ramai generasi muda menyertai Pemuda dan Puteri kerana ia membuktikan generasi muda semakin percaya kepada perjuangan UMNO sekali gus menjadikan parti itu terus relevan.

Sejajar dengan itu, beliau meminta generasi lama supaya bersedia untuk memberikan tempat di dalam parti kepada generasi muda kerana mereka kelak yang akan memastikan perjuangan TJMNO diteruskan.

“Kita tidak akan dapat tongkat langit, kita lambat laun mesti pergi, kalau pun tak pergi secara langsung mungkin tak dapat bekerja kerana letih, tua atau pun

sakit. Sebab itu, kita mesti sediakan generasi akan datang untuk mengambil alih tempat kita,” ujarnya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir juga menasihatkan generasi muda supaya tidak terlalu mementingkan jawatan dalam parti sehingga sanggup berebut sesama sendiri semata-mata untuk mendapat tempat di dalam UMNO.

Sebaliknya, jelas beliau, generasi muda perlu mengutamakan kepentingan parti dengan memastikan UMNO terus relevan dan mendapat sokongan padu daripada golongan muda.

Dalam hubungan ini, kata beliau, generasi lama tidak boleh menganggap bahawa UMNO adalah milik individu sahaja dan orang lain tidak ada hak untuk mendapat tempat dalam parti itu.

Menurutnya, pernah terjadi di mana UMNO tidak mendapat ahli baru apabila ada ketua cawangan dan ketua bahagian yang tidak senang hati dengan generasi muda kerana bimbang mereka akan mencabar kedudukan kepimpinan yang sedia ada.

“Apatah lagi apabila kita lihat orang muda lebih terlatih dan terpelajar, kita berasa ancaman ini amat kuat dan berusaha untuk menghalang penyertaannya sebagai ahli baru dalam UMNO,” ujarnya.

Tindakan sedemikian jelas beliau, akan membuatkan keahlian UMNO semakin susut dan lama kelamaan parti itu akan benar-benar menjadi tidak relevan dan mati bersama generasi yang tidak mahu melepaskan tempatnya kepada generasi muda itu.